SASBADI

TEPAT & TERKINI

Tingkatan 1 KSSM

# KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan

# JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

# Bahasa Melayu (02)




1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

SET 2

• Tema 1 – Tema 9

MODEL

# UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

## Tingkatan 1

## Bahasa Melayu (02/1)

**1 jam 30 minit**

| | |
|---|---|
| Nama | |
| No. Kad Pengenalan | |
| Kelas | |

**ARAHAN:**

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Nama Pemeriksa: | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 – 15 | 15 | |
| B | 1 | 2 | |
| | 2 | 2 | |
| | 3 | 4 | |
| | 4 | 2 | |
| | 5 | 10 | |
| | 6 | 10 | |
| C | 1 | 15 | |
| Jumlah | | 60 | |

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Arahan:** *Jawab* **semua** *soalan dalam setiap bahagian.*

## BAHAGIAN A
[15 *markah*]

**Soalan 1 – 2**
*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.



**1** Rizman memakai __________ sebelum memulakan aktiviti memanjat tembok tiruan.
- **A** para-para 架子
- **B** abah-abah 用具
- **C** panji-panji 棋子
- **D** tupai-tupai →



tupai-tupai

*para 各位

**2** Aimi berjaya menyiapkan (bakul anyamannya) walaupun masa yang diberikan sangat __________.
- **A** segera
- **B** suntuk 短促
- **C** lambat
- **D** lampau 过去的/过分

**Soalan 3 – 4**
*Pilih ayat-ayat yang menggunakan* **perkataan berhuruf condong** *dengan betulnya.*

**3** I Puan Intan bersyukur kerana demam anaknya *beransur* pulih.
II Ramu dan kawannya mulai *beransur* dari padang ketika hari semakin senja.
III Para tetamu yang duduk di atas tikar itu *beransur* ke depan untuk melihat pengantin.
IV Mata budak perempuan itu tidak *beransur* ketika melihat pertunjukan bunga api itu.
- **A** I dan II sahaja
- **B** III dan IV sahaja
- **C** I, II dan III sahaja
- **D** II, III dan IV sahaja

*beransur 一逐渐/慢慢停了/暗了/痊愈了

CamScanner LIVEWORKSHEETS

4 I Puan Aiza *terkesima* melihat kejayaan anaknya dalam peperiksaan.
II Dia *terkesima* melihat keindahan pemandangan di puncak gunung itu.
III Kami *terkesima* dengan ucapan penuh semangat daripada ketua murid itu.
IV Hanif *terkesima* apabila mendengar pengumuman bahawa dia ialah murid terbaik sekolah.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

terkesima — 惊呆
、愣住

**Soalan 5 – 6**

*Bahagian yang* **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
*Tandakan sama ada* **A**, **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

5 Berapakah jumlah pelawat-pelawat yang telah mengunjungi karnival kesihatan pada hari ini?

**A** jumlah pelawat
**B** jumlah orang pelawat
**C** orang jumlah pelawat
**D** jumlah pelawat-pelawat

6 Alat-alat muzik di dalam bilik muzik itu dijaga oleh Cikgu Leong dengan baiknya.

**A** Alat muzik-alat muzik
**B** Semua alat-alat muzik
**C** Alat muzik-muzik
**D** Alat-alat muzik

**Soalan 7 – 8**

*Pilih ayat-ayat yang* **betul**.

7 I Tolong jangan berlari di kawasan ini.
II Sila hadir ke balai raya pada pukul 2:00 petang.
III Jemputlah makan kuih seri muka di atas meja itu.
IV Mohon para hadirin duduk di kerusi masing-masing.

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

Kata perintah
Sila
Jemput 请
Harap 希望
Minta
Usah
Jangan
Mohon
Tolong
} 不能再一起
* Harap jangan 可以 因为 harap 是动词.

8 I Nah, kamu menyertai Hari Keluarga taman kita juga!
II Cis, cantiknya tenunan (纺织) songket dari Terengganu ini!
III Wahai murid-murid, jagalah keselamatan diri!
IV Aduh, lenguhnya (酸痛) kaki saya!

**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

* menenun (to weave)
* menganyam (to plait)
* menyulam (to embroider)
* mencanting (batik)



LIVEWORKSHEETS CamScanner

**Soalan 9**
*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang* **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

9 **Kemalangan jalan raya dapat dielakkan jika pengguna jalan raya mengambil sikap berjaga-jaga.**

**A** Pengguna jalan raya berjaga-jaga mengelakkan kemalangan jalan raya.
**B** Kemalangan jalan raya dapat dielakkan oleh pengguna jalan raya dengan berjaga-jaga.
**C** Jika pengguna jalan raya mengelakkan kemalangan jalan raya, sikap berjaga-jaga diamalkan.
**D** Jika pengguna jalan raya bersikap berjaga-jaga, kemalangan jalan raya dapat dielakkan.

**Soalan 10**
*Pilih* **peribahasa** *yang paling* **sesuai**.

10

| Alia membantu ibunya mengemas rumah setiap hari. |
|---|

Berdasarkan penyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

**A** Sabar macam nabi 耐心
**B** Cepat macam kilat
**C** Rajin macam semut
**D** Bijak macam pendeta 聪明



LIVEWORKSHEETS CamScanner

**Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.**

*Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Kelabu masih di pangkuan ayah. Apabila melihat Kelabu, aku terimbas kembali tentang kucing itu yang dipungut sewaktu ayah pulang dari tempat kerja. Keadaan Kelabu yang tidak terurus dan kurus dahulu kini telah berubah. Kelabu semakin tembam. Bulunya yang berwarna kelabu menjadikannya tampak menarik seperti kucing Siam. Ayah semakin memanjakan Kelabu. Bagiku barangkali sejak kehadiran Kelabu, Oren semakin terpinggir daripada belaian dan perhatian ayah.

Jika ayah menganggap Oren telah merajuk, mungkin ayah juga tahu sebab kucing sulungnya itu merajuk. Mungkin ayah telah sedar akan kesilapannya tetapi yang menjadi tanda tanya mereka sekeluarga sekarang adalah ke manakah Oren menghilangkan diri? Dalam diam-diam aku mengesyaki ada sesuatu berlaku kepada Oren tetapi aku hanya mampu memendamkannya. Aku bimbang ayah akan *bertambah gelisah* nanti. Aku juga tidak mahu menambah rasa bersalah ayah tentang sikap pilih kasihnya terhadap Oren sehingga Oren tidak pulang ke rumah. Adakah ayah juga barangkali terfikir tentang perkara yang ingin aku luahkan kepadanya?

Malam itu ayah hanya menjamah makan malam sedikit sahaja dan katanya dia tidak berselera. Kami tahu akan sebabnya dan tidak menyangka bahawa ayah terlalu risau akan Oren. Apabila selesai sahaja membasuh tangannya, ayah terus ke ruang tamu. Kelabu yang memang selalu mengekori ayah tidak dipedulikan oleh ayah pada malam itu.

Dipetik daripada cerpen 'Oren',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

**11** Berdasarkan petikan, rangkai kata *bertambah gelisah* membawa maksud

**A** sangat sedih.
**B** lebih cemburu.
**C** sungguh keliru.
**D** semakin bimbang.

**12**

| Kelabu semakin tembam. |
|---|

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah

**A** halus macam debu.
**B** gebu macam kapas.
**C** nipis macam kertas.
**D** tinggi macam galah.



LIVEWORKSHEETS CamScanner

**13** | Apabila melihat Kelabu, aku terimbas kembali tentang kucing itu yang dipungut sewaktu ayah pulang dari tempat kerja. Keadaan Kelabu yang tidak terurus dan kurus dahulu kini telah berubah.

Apakah persoalan yang **paling tepat** dengan penyataan di atas?

**A** Tanggungjawab ketua keluarga terhadap keluarganya
**B** Perasaan bersalah kerana bersikap pilih kasih
**C** Konflik dikongsi bersama-sama ahli keluarga
**D** Kasih sayang terhadap haiwan peliharaan

**14** Mengapakah ayah makan malam sedikit sahaja?

**A** Ayah mahu mencari Oren.
**B** Ayah terlalu risau akan Oren.
**C** Ayah mahu berehat di ruang tamu.
**D** Lauk pada malam itu tidak menepati seleranya.

**15** Yang berikut merupakan penyataan yang benar berdasarkan petikan, **kecuali**

**A** ayah makan sedikit sahaja kerana tidak berselera.
**B** aku mengesyaki sesuatu telah berlaku kepada Oren.
**C** aku memungut Kelabu sewaktu pulang dari tempat kerja.
**D** ayah tidak mempedulikan Kelabu yang mengekorinya pada malam itu.



CamScanner
LIVEWORKSHEETS